

Asia kuat jika ketepi ‘sengketa lama’

Fukuoka: Tun Dr Mahathir Mohamad menyuarakan keyakinan bahawa Asia mampu melakar kejutan untuk menawan ekonomi global sekiranya setiap negara anggota mengambil sikap berlapang dada untuk mengetepikan sebarang pertikaian lampau.

Memetik contoh ledakan kemajuan teknologi komunikasi dan sektor pengangkutan, Perdana Menteri berkata, komuniti Barat mampu menongkah arus untuk menjalin kerjasama dengan negara yang pernah dimusuhinya sehingga dirumuskan dalam kancah peperangan.

Katanya, mereka kemudian merintis usaha ke arah membentuk kesatuan dan menjalin persefahaman menerusi prinsip yang digariskan dalam Kesatuan Eropah (EU), selain melaksanakan peralihan imej negara menjadi nadi serantau.

“Jerman pun menyertai Perancis dalam perarakan (Bastille Day), manakala Asia masih sibuk

“Kita banyak buang masa mengenang pertikaian lampau, justeru persoalannya, sampai bila harus kita terus dibelenggu kisah lama?”

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

bertelingkah angkara episod permusuhan lalu. Sebab itu kita tidak mampu menubuhkan kesatuan dalam kalangan negara Asia seperti EU.

“Kita banyak buang masa mengenang pertikaian lampau, justeru persoalannya, sampai bila harus kita terus dibelenggu kisah lama?” katanya ketika menyam-

paikan syarahan di Institut Kepemimpinan Kyushu-Asia, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman serta barisan eksekutif dari syarikat Kereta Api Kyushu dan Elektrik Kyushu.

Dr Mahathir berkata, semua pihak perlu sedar perubahan masa depan kini bakal menyaksikan tiada lagi konsep satu etnik dalam mana-mana negara sehingga menyaksikan wujud dasar menutup kemasukan asing kerana khuatir menjejaskan pegangan ekonomi domestik.

“Ada yang enggan orang lain masuk ke negara mereka demi memelihara kepentingan tempatan. Amerika Syarikat (AS) sendiri pun membuka pintu kepada masyarakat berbilang bangsa walaupun presidennya (Donald Trump) kini cuba mengubah keputusan berkenaan.

“Susulan kemudahan perjalanan, dasar terbuka di sempadan dan teknologi komunikasi, semua negara di dunia ini akan terdiri daripada pelbagai bangsa pada bila-bila masa,” katanya.

Ketika sesi soal jawab, Dr Mahathir berkata, Jepun berupaya mengorak langkah untuk ‘melebarkan’ potensi pendidikan pelajarannya dengan menghantar mereka merantau ke pelosok dunia demi menimba pengalaman kehidupan dan menyelami budaya masyarakat lain.

Mengenai cara menyuntik semangat patriotisme dalam negara yang mempunyai latar belakang pelbagai bangsa, Dr Mahathir berkata, ia bergantung kepada penerimaan setiap individu terhadap nilai dan prinsip negara terbabit.

“Bekas Presiden AS (Dwight D) Eisenhower berketurunan Jerman tetapi beliau tetap setia kepada negeranya sehingga nekad menentang Jerman,” katanya.